

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

1. Perselisihan pendapat dalam kalangan pihak pengurusan dan pentadbiran menyebabkan kakitangan bawahan menjadi mangsa keadaan tersebut.

Keadaan ini dikatakan seperti

- A kucing kehilangan ibu.
- B gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati tersepit.
- C hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicicah.
- D ketam mengajar anaknya berjalan betul.

2. Setelah 20 tahun Encik Jamil dan keluarganya tinggal di Australia, akhirnya mereka mengambil keputusan untuk menetap di tanah air.

Keadaan ini samalah seperti

- A sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan.
- B di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.
- C sudah dapat gading bertuah, tanduk tidak berguna lagi.
- D setinggi-tinggi terbang bangau, akhirnya hinggap di belakang kerbau juga.

3. Peribahasa belakang parang diasah lagikan tajam bermaksud

- A jika belajar dengan bersungguh-sungguh, kita akan menjadi pandai.
- B membuat pekerjaan yang lebih daripada keupayaan.
- C pengetahuan yang tidak sempurna hingga tidak mendatangkan faedah.
- D jika ada kemahuan, semua perkara dapat dikerjakan.

4. Encik Kamil menurut segala perintah isterinya secara membuta tuli. Sikapnya itu tidak disenangi oleh ibu dan ayahnya.

Sikapnya itu samalah seperti

- A lalang ditiup angin.
- B abu di atas tunggul.
- C kerbau dicucuk hidung.
- D biduk lalu kiambang bertaut.

5. Peribahasa yang berikut membawa maksud usaha yang dibuat hendaklah dibuat dengan bersungguh-sungguh, **kecuali**

- A genggam bara api biar sampai jadi arang.
- B alang-alang berdakwat, biarlah hitam.
- C bukit sama didaki, lurah sama dituruni.
- D alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan.

6. Walaupun harga televisyen yang dibeli oleh Encik Guna ini mahal, namun dia berpuas hati kerana televisyen ini tidak pernah rosak walaupun sudah berpuluh-puluh tahun dia menggunakannya.

Hal ini boleh diumpamakan

- A ukur baju di badan sendiri.
B besar periuk besarlah keraknya.
C alah membeli menang memakai.
D ada rupa ada gaya.
7. Setelah dia memiliki sebuah kereta baharu, motosikal buruknya tidak digunakan lagi. Keadaan ini samalah seperti
- A sudah dapat gading bertuah, tanduk tidak berguna lagi.
B tidak dapat tanduk, telinga dipulas.

- C bagai telur di hujung tanduk
D kacang melupakan kulit.

Ayah: Kamu perlu menyimpan sebahagian daripada pendapatan kamu itu sebagai persediaan jika berlaku kecemasan.

Anak: Baiklah, ayah. Terima kasih atas nasihat ayah itu. Saya akan membuat simpanan di bank.

8. Peribahasa yang sesuai untuk menggambarkan dialog di atas ialah
- A sediakan payung sebelum hujan.
B ingat sebelum kena, jimat sebelum habis.
C belum duduk sudah berlunjur.
D awal dibuat akhir diingat.

Praktis PT3 Bahagian B

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan peribahasa yang sesuai.

- putus rezeki
- mahal seperti berlian
- indah khabar daripada rupa
- kalau ada asap, tentu ada api
- seperti pinang dibelah dua
- bagai melepaskan batuk di tangga
- ke tengah boleh, ke tepi pun boleh
- gigi dengan lidah ada kalanya bergigit juga

1. Harga pakaian di butik ini _____.
2. "Kerja ini tidak akan siap sekiranya kamu bersikap _____," kata ibu kepada abang.
3. Persengketaan antara Murni dengan abangnya itu merupakan perkara biasa kerana _____.
4. Kakak Munira dan Abang Haikal yang sedang bersanding itu _____.
5. Apabila kami tiba di pulau peranginan itu, barulah kami tahu bahawa apa-apa yang dikatakan oleh Kamal hanya _____.
6. Sejak medan selera itu ditutup, banyaklah pegerai yang _____.
7. Pekerja baharu itu mudah bergaul dengan sesiapa sahaja. Bak kata orang, _____.
8. "Janganlah kita berburuk sangka. Tentu ada sebabnya maka Rizuan dan isterinya bermasam muka dengan iparnya. Kata orang _____.